



30 Disember 2021  
30 December 2021  
P.U. (A) 494

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM (PENGGUNAAN BAHAGIAN IV) (NO. 2) (PINDAAN) 2021

### *ANTI-MONEY LAUNDERING, ANTI-TERRORISM FINANCING AND PROCEEDS OF UNLAWFUL ACTIVITIES (INVOCATION OF PART IV) (NO. 2) (AMENDMENT) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN  
KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001

PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN  
KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM (PENGGUNAAN BAHAGIAN IV)  
(NO. 2) (PINDAAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 8(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613], Menteri Kewangan, atas syor pihak berkuasa berwibawa, membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (Penggunaan Bahagian IV) (No. 2) (Pindaan) 2021.**

**Pindaan perenggan 2**

2. Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Penggunaan Bahagian IV) (No. 2) 2004 [P.U. (A) 340/2004] dipinda dengan menggantikan perenggan 2 dengan perenggan yang berikut:

**"Penggunaan perenggan 14(1)(b), dan seksyen 20 dan 24**

2. (1) Perenggan 14(1)(b), dan seksyen 20 dan 24 Akta hendaklah digunakan ke atas mana-mana institusi pelapor yang menjalankan apa-apa aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 9, 10, 11 dan 12 Jadual Pertama kepada Akta apabila institusi pelapor itu menyediakan atau menjalankan aktiviti yang berikut bagi kliennya:

(a) membeli dan menjual harta tak alih;

(b) menguruskan wang klien, sekuriti atau harta lain;

(c) menguruskan akaun termasuklah akaun simpanan dan sekuriti;

(d) mengelola sumbangan bagi penubuhan, pengendalian atau pengurusan syarikat; atau

(e) menubuhkan, mengendalikan atau menguruskan entiti undang-undang atau perkiraan, dan membeli atau menjual entiti perniagaan.

(2) Perenggan 14(1)(b), dan seksyen 20 dan 24 Akta hendaklah digunakan ke atas mana-mana institusi pelapor yang menjalankan apa-apa aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan 13 Jadual Pertama kepada Akta apabila institusi pelapor itu menyediakan atau menjalankan aktiviti yang berikut bagi kliennya:

(a) bertindak sebagai ejen yang menubuhkan entiti undang-undang;

(b) bertindak sebagai (atau mengatur bagi orang lain untuk bertindak sebagai) seorang pengarah atau setiausaha suatu syarikat, seorang pekongsi suatu perkongsian, atau suatu kedudukan yang seumpamanya berhubung dengan entiti undang-undang yang lain;

(c) mengadakan suatu pejabat berdaftar, alamat perniagaan atau penginapan, alamat surat-menjurut atau pentadbiran bagi suatu syarikat, perkongsian atau apa-apa entiti undang-undang atau perkiraan lain;

(d) bertindak sebagai (atau mengatur bagi orang lain untuk bertindak sebagai) seorang pemegang amanah suatu amanah nyata; atau